

# Pelajaran erat integrasi

U.M 10/12/07 M/S 10

Oleh ROHANI IBRAHIM

**Malaysia dan Singapura mempunyai perbezaan dalam sistem pendidikan, bahasa dan konteks politik masing-masing namun persamaan tetap ada**

**HISHAMMUDDIN  
TUN HUSSEIN**  
Menteri Pelajaran

**HUBUNGAN** Malaysia dan Singapura sudah melalui pelbagai pengalaman dan fasa seiring dengan perubahan masa, pemimpin yang datang dan pergi serta arus pembangunan kedua-dua negara.

Pelbagai isu yang pernah timbul menyebabkan banyak yang diperkatakan mengenai hubungan kedua-dua negara.

Tidak kurang juga terdapat laporan yang menggembar-gemburkan keadaan sebenar sehingga menimbulkan rasa kurang selesa di antara kedua-dua pihak.

Walau apa pun yang berlaku dan pernah diperkatakan mengenai hubungan Malaysia dan Singapura, kedua-duanya tidak dapat menafikan hakikat bahawa mereka adalah berjiran dan bersaudara.

Kedua-dua negara perlu sedar bahawa cabaran akan terus wujud dalam hubungan dua negara jiran dan generasi akan datang perlu diberi pendedahan yang sewajarnya dari usia muda.

Ini adalah bagi memastikan generasi muda yang juga pemimpin masa depan dapat lebih bersedia untuk menangani cabaran dalam hubungan

Malaysia dan Singapura di masa akan

dua-dua negara tidak perlu lagi dibayangi dengan perpisahan Malaysia-Singapura pada tahun 1965.

"Generasi akan datang kedua-dua negara harus diberi peluang untuk mencorakkan hubungan dua hala Malaysia dan Singapura yang lebih harmoni serta bebas daripada perpisahan dan pengalaman lalu.

## Platform

"Dalam hal ini memorandum persefahaman bagi kerjasama dalam bidang pelajaran Malaysia dan Singapura merupakan platform yang paling sesuai untuk menyemai nilai faham-memahami, hormat-menghormati, semangat setia kawan dan kejiranan," tambah beliau.

Hishammuddin menjelaskan beliau hanya menyedari tentang ketiadaan memorandum persefahaman pelajaran di antara Malaysia dan Singapura kira-kira enam bulan yang lalu.

"Ia kemungkinan berlaku kerana ke-



HISHAMMUDDIN Hussein dan Tharman Shanmugaratnam bertukar-tukar dokumen.

datang dengan sebaik mungkin.

Lawatan kerja rasmi Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein ke Singapura baru-baru ini merupakan inisiatif yang berkesan dalam meningkatkan kerjasama dan hubungan di antara Malaysia dan Singapura.

Ia juga dilihat sebagai tepat pada masanya kerana banyak pihak beranggapan hubungan dua hala kedua-dua negara berada pada tahap paling kukuh kebelakangan ini.

Hubungan dua hala yang kukuh pada masa ini juga menjadi asas kepada termeterainya memorandum persefahaman di antara Malaysia dan Singapura dalam bidang pelajaran sempena lawatan tersebut.

Selain bidang kerjasama, lawatan yang disertai oleh para pegawai kanan Kementerian Pelajaran bertujuan meninjau dan berkongsi pengalaman dengan republik berkenaan dalam bidang teknik dan vokasional.

Hishammuddin turut meninjau program-program yang dikendalikan Kementerian Pelajaran Singapura termasuklah Kem Kembara Pemimpin Pelajar di Pantai Changi dan salah sebuah Institute Technical Education (ITE) atau Institut Pengajian Teknikal republik berkenaan.

Beliau ketika berucap dalam Forum Perniagaan Malaysia dan Singapura sempena lawatan kerja rasmi berkenaan berkata, generasi akan datang ke-

dua-dua negara tidak menyedari akan hal berkenaan biarpun pelbagai program pelajaran sudah dijalankan sejak beberapa tahun dulu.

“Atau mungkin ia berlaku kerana sebelum ini tidak ada kesungguhan untuk merealisasikan sebuah memorandum persefahaman pelajaran di antara Malaysia dan Singapura,” katanya selepas majlis menandatangani memorandum tersebut pada hari pertama lawatan kerja beliau ke republik berkenaan.

Tambah Hishammuddin, kerjasama dalam bidang pelajaran mampu menyemai nilai-nilai positif di kalangan generasi muda dalam memastikan hubungan Malaysia-Singapura yang lebih makmur dan teguh di masa akan datang dalam menghadapi apa juga keadaan.

Sementara itu, Menteri Pelajaran Singapura yang juga Menteri Kewangan republik berkenaan, Tharman Shanmugaratnam turut mengalu-alukan kerjasama Malaysia dan Singapura dalam bidang pelajaran.

Beliau juga berpendapat, negara-negara ASEAN perlu melengkap satu sama lain dan mewujudkan ikatan untuk bergerak seiring dengan China dan India.

“Negara anggota ASEAN perlu mewujudkan satu integrasi dalam menghadapi perubahan berkenaan dan salah satu platform untuk mewujudkan integrasi adalah dalam bidang pelajaran.

“Malaysia dan Singapura mempunyai perbezaan dalam sistem pendidikan,

bahasa dan konteks politik masing-masing namun persamaan tetap ada.

“Maka kerjasama pendidikan yang dimeterai ini merupakan ruang untuk Malaysia dan Singapura berkongsi dan bertukar-tukar pengalaman yang ada demi kebaikan bersama serta hubungan dua hala yang lebih positif dalam masa akan datang,” katanya ketika berucap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman itu di Sheraton Towers, Singapura baru-baru ini.

Hasrat untuk melihat kerjasama yang lebih erat di kalangan generasi muda bukan sahaja dikongsi oleh Hishammuddin bersama rakan sejawatannya tetapi Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong.

Hishammuddin ketika ditemui selepas melakukan kunjungan hormat ke atas Hsein Loong pada hari ketiga lawatan kerjanya di republik berkata, pemimpin Singapura tersebut menyuarakan hasratnya untuk melihat kerjasama di antara generasi muda dari Malaysia dan Singapura dipertingkatkan.

“Kerjasama sedemikian adalah penting demi masa depan hubungan dua hala kedua-dua negara,” kata Hishammuddin ketika diminta mengulas mengenai temuannya bersama Hsien Loong.

“Jika kerjasama tidak diwujudkan dalam pelaksanaan perkara asas seperti pendidikan dan sukan ia berkemungkinan akan menyukarkan penyelesaian isu lain yang berbangkit.

“Tuntutan mengenai pulau dan batu

mungkin akan berlaku lagi tetapi perkara-perkara tersebut tidak harus menjadi penghalang kepada kerjasama dalam bidang-bidang lain,” katanya lagi.

Hishammuddin ketika diminta membuat kesimpulan mengenai lawatan kerja rasmi pertamanya ke Singapura kali ini menyifatkan lawatan tersebut sebagai pendorong dan asas ke arah hubungan dua hala yang lebih kukuh.

“Apabila asas hubungan dua hala adalah kukuh, cabaran yang timbul pada masa akan datang tidak akan menjejaskan hubungan di antara masyarakat di kedua-dua negara.

“Suka ataupun tidak Malaysia dan Singapura merupakan dua negara yang berjiran dan adalah penting untuk kita sentiasa memastikan kerjasama dua negara diusahakan dengan sebaik mungkin.

“Bagaimanapun, kesungguhan, keikhlasan, kejujuran dan kepercayaan di antara kedua-dua pihak merupakan penentu sama ada memorandum dan kerjasama yang dimeterai pada hari ini dapat diterjemahkan menjadi sesuatu yang lebih bernilai kepada hubungan dua hala Malaysia dan Singapura,” katanya.

□ **ROHANI IBRAHIM** membuat liputan lawatan kerja tiga hari Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein ke Singapura baru-baru ini.